

BERITA HARIAN
6/3/19
M/S 30

Sentimen lemah jejas bursa

→ Saham semasa kekal ditutup rendah semalam

ULASAN PASARAN

Saham di Bursa Malaysia kekal rendah semasa ditutup semalam, dipengaruhi oleh sentimen lemah susulan keimbangan mengenai perang perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dengan China yang berterusan.

Pada 5 petang, FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) berada pada 1,685.62, susut 8.37 mata daripada 1,693.99 semasa ditutup pada Isnin.

Indeks petunjuk pasaran dibuka rendah 11.8 mata kepada 1,682.19 dan bergerak antara 1,682.19 hingga 1,691.28 sepanjang hari.

Dipapan skor, suasana pasaran negatif dengan kaunter rugi 470 berbanding 352 kaunter untung, manakala 407 kaunter kekal tidak berubah, 640 tidak diniagakan dan

18 yang lain digantung.

Jumlah dagangan rendah kepada 2.58 bilion unit bernilai RM2.11 bilion berbanding 3.14 bilion unit bernilai RM2.16 bilion, semalam.

Peniaga berkata, pelabur memantau perkembangan terkini mengenai rundingan perdagangan yang berterusan antara dua kuasa ekonomi itu, terutama dengan pengumuman AS untuk menggantung kenaikan tarif yang dijadualkan ke atas barang China sehingga diberitahu kelak.

Presiden AS, Donald Trump dilaporkan berkata beliau akan pergi jika keadaan tidak berjalan lancar dalam rundingan perniagaan itu.

"Kedua-dua negara itu kini menghadapi kelembapan ekonomi, menyebabkan aktiviti perniagaan perlahan di seluruh dunia," katanya.

Semak semula unjuran

Di peringkat tempatan, katanya, pendapatan korporat yang megecewakan pada suku keempat berakhir 31 Disember 2018, antara yang paling teruk dilihat dalam beberapa tahun ini.

"Saya fikir kebanyakannya syarikat masih dalam proses menerima keputusan dan dijangka menyemak semula unjuran dan sasaran pertumbuhan mereka bagi tahun ini berikutnya keadaan ekonomi global

masih berkembang pada kadar sederhana," katanya.

Tenaga, misalnya, mencatatkan kerugian suku tahun pertamanya dalam tempoh lebih tujuh tahun berikutan kos operasi yang lebih tinggi dan peningkatan susut nilai instrumen kewangan.

Syarikat utiliti itu mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM134 juta untuk tempoh tiga bulan berakhir 31 Disember 2018.

Saham wajaran tinggi lain, Maybank merosot satu sen kepada RM9.53, Public Bank susut dua sen kepada RM24.60, Tenaga berkurangan 16 sen kepada RM12.80, dan Petronas Chemicals tidak berubah pada RM9.19.

Daripada saham aktif, Bumi Armada dan Sapura Energy, masing-masing susut setengah sen kepada 17 sen dan 31.5 sen, Dayang Enterprise merosot lima sen kepada RM1.31, manakala VS Industry naik lima sen kepada RM1.08.

Indeks FBM Emas susut 36.80 mata kepada 11,729.81, Indeks FBMT 100 merosot 37.71 mata kepada 11,626.85 dan Indeks FBM Emas Shariah turun 36.87 mata kepada 11,589.14.

FBM 70 meningkat 36.25 mata kepada 13,992.32 dan Indeks FBM Ace meningkat 7.41 mata kepada 4,688.91.

Mengikut sektor, Indeks Perkhid-

matan Kewangan susut 91.41 mata kepada 17,630.81, Indeks Perladan- gan menambah 6.99 mata kepada 7,272.99, manakala Indeks Produk Perindustrian dan Perkhidmatan naik 0.02 mata kepada 167.96.

Jumlah dagangan Pasaran Utama merosot kepada 1.76 bilion saham bernilai RM1.93 bilion dari pada 2.20 bilion saham bernilai RM1.94 bilion.

Jumlah dagangan waran berkurangan kepada 516.76 juta unit bernilai RM116.06 juta berbanding 586.41 juta unit bernilai RM139.31 juta.

Jumlah dagangan di Pasaran ACE merosot kepada 302.50 juta saham bernilai RM67.80 juta dari pada 346.79 juta saham bernilai RM77.92 juta.

Barangan pengguna dan perkhidmatan menyumbang 269.31 juta saham diniagakan di Pasaran Utama, barang perindustrian dan perkhidmatan (339.41 juta), pembinaan (132.88 juta), teknologi (156.08 juta), SPAC (sifar), perkhidmatan kewangan (48.87 juta), harta tanah (128.36 juta), perludangan (54.83 juta), REIT (3.71 juta), dana tertutup (sifar), tenaga (503.26 juta), penjagaan kesihatan (39.61 juta), telekomunikasi dan media (31.18 juta), pengangkutan dan logistik (31.02 juta), dan utiliti (21.78 juta).

BERNAMA